



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH**

TAHUN 1

**BAHASA
MELAYU**



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

2003

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut :

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Kata Pengantar

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Huraian Sukatan Pelajaran ini menjelaskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan mastery. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut tahap kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid. Hasil pembelajaran diperingkatkan kepada tiga aras, iaitu Aras 1 (aras asas), Aras 2 (aras sederhana), dan Aras 3 (aras cemerlang).

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.


Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada usur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara kontekstual, dan pembelajaran secara konstruktivisme. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan

keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Tahun Satu menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh pelajar. Pernyataan dalam Huraian Hasil Pembelajaran memberikan cabaran yang sesuai dengan pelajar pada tahap tertinggi dalam pendidikan sekolah rendah. Huraian ini seharusnya dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran yang disemak semula ini banyak pihak yang terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti, pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.



(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)

Pengarah

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah sebagai mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu di peringkat rendah juga bertujuan mewujudkan asas semangat kewarganegaraan.

Kurikulum Bahasa Melayu digubal bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu melatih murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Selain itu, murid dapat mengungkapkan ilmu pengetahuan daripada mata pelajaran yang lain di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Bagi membantu guru melaksanakan pengajaran yang berkesan, Huraian Sukatan Pelajaran disediakan bagi setiap tahun pembelajaran. Huraian Sukatan Pelajaran bagi setiap tahun mengandungi objektif khusus pembelajaran sebagai rujukan guru untuk menentukan tahap pencapaian penguasaan murid. Selain itu, Huraian Sukatan Pelajaran ini juga mengandungi Organisasi Kandungan yang merangkumi Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, dan Pengisian Kurikulum.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu mengandungi tiga lajur, iaitu lajur hasil pembelajaran dan kemahiran, lajur huraian hasil pembelajaran dan lajur cadangan aktiviti. Lajur hasil pembelajaran menyenaraikan hasil pembelajaran dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid Tahun Satu. Lajur huraian hasil pembelajaran memperincikan kemahiran berbahasa kepada tiga aras pembelajaran, iaitu Aras 1 bagi tahap pencapaian minimum yang perlu dikuasai oleh semua murid. Setelah murid menguasai Aras 1, murid akan mempelajari kemahiran berbahasa Aras 2 dan Aras 3 yang lebih mencabar. Lajur cadangan aktiviti menyediakan contoh aktiviti/nota pengajaran dan pembelajaran sebagai panduan kepada guru. Aktiviti yang disenaraikan hanyalah cadangan bagi aras-aras tertentu yang terdapat dalam huraian sukatan pelajaran ini. Cadangan aktiviti yang disenaraikan tidak mampu mencakupi keperluan bagi setiap situasi pengajaran dan pembelajaran. Guru perlulah memilih dan menyesuaikan cadangan aktiviti dengan profil murid dan keadaan setempat. Guru juga disarankan menggunakan pelbagai teknik atau aktiviti yang bersesuaian dengan tahap kemampuan murid.

MATLAMAT

Matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan ini untuk memperoleh ilmu, perhubungan sosial, dan urusan harian.

OBJEKTIF

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah murid dapat:

- i. mendengar pengucapan dengan teliti dan memahami serta menghayati pengucapan dalam konteks perbualan harian dan formal;
- ii. bertutur petah menggunakan sebutan dan intonasi yang betul dalam pelbagai situasi;
- iii. berbincang dan berkongsi pendapat untuk menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan, dan membuat keputusan tentang sesuatu perkara;
- iv. membaca pelbagai bahan sastera dan bahan berunsur pengetahuan dengan teknik membaca yang sesuai dan berkesan untuk memperoleh ilmu dan memproses maklumat secara kritis;
- v. memupuk minat membaca sebagai satu amalan ke arah membina budaya pembelajaran berterusan;
- vi. memperkembang kekuatan imaginasi, kreativiti, pemikiran kritis dan penghayatan nilai murni melalui aktiviti bertutur, membaca dan menulis;
- vii. mengenali dan menghasilkan pelbagai jenis penulisan kreatif dan berunsur pengetahuan dengan kemahiran menulis serta proses penulisan yang sesuai dan betul;
- viii. menggunakan bahasa baku yang meliputi ejaan, kosa kata, tatabahasa, dan sebutan yang betul dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis;
- ix. menghargai dan menghayati keindahan bahasa melalui karya sastera dan karya berunsur ilmu; dan
- x. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotisme, dan perasaan cinta akan negara.

OBJEKTIF

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tahun Satu murid dapat:

- i. mendengar serta memahami pengucapan dalam konteks perbualan harian dan situasi formal;
- ii. bertutur menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara terancang;
- iv. mengemukakan idea berdasarkan sesuatu topik perbincangan;
- iv. membaca teks prosa dan puisi dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- v. membaca dan memahami teks serta merujuk pelbagai sumber; dan
- vi. menghasilkan karangan dengan menggunakan antara di 20 – 40 perkataan.

ORGANISASI KURIKULUM

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah digubal dengan memberikan fokus pada Hasil Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Hasil Pembelajaran ini berteraskan kemahiran bahasa, iaitu Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, dan Kemahiran Menulis. Hasil Pembelajaran juga menggabungkan peraturan dalam Sistem Bahasa dan disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum.

Kemahiran Bahasa

Kemahiran Bahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran Bahasa ini merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku.

Kemahiran Mendengar

Kemahiran Mendengar merupakan keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

Kemahiran Bertutur

Kemahiran Bertutur merupakan keupayaan murid berbual untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan kepada penggunaan pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang sesuai.

Kemahiran Membaca

Kemahiran Membaca merupakan keupayaan murid membaca ayat dengan lancar serta sebutan, intonasi, jeda, dan jeda yang betul. Penekanan perlu diberikan kepada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik membaca.

Kemahiran Menulis

Kemahiran Menulis merupakan keupayaan murid menulis perkataan dan ayat dan mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas, cantik dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan berunsurkan pengetahuan dan penulisan imaginatif.

Hasil Pembelajaran

Hasil Pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang kemahiran yang perlu dicapai oleh murid. Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran bahasa yang terdapat dalam setiap hasil pembelajaran. Justeru, hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, hasil pembelajaran dapat dicapai dengan menggabungkan keempat-empat kemahiran bahasa, sistem bahasa dan pengisian kurikulum. Pendekatan yang berfokus pada gaya pembelajaran yang pelbagai juga dapat membantu murid mencapai hasil pembelajaran. Selain itu, hasil pembelajaran juga dapat membantu dalam membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid.

Sistem Bahasa

Sistem Bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa. Aspek tatabahasa merangkumi morfologi dan sintaksis manakala aspek kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah yang terdapat mata-mata pelajaran di peringkat rendah.

Pengisian Kurikulum

Pengisian Kurikulum terdiri daripada elemen yang menggabungkan perkembangan terkini dalam pendidikan yang meliputi aspek ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, pendidikan nilai, kewarganegaraan, dan patriotisme diberi penekanan selaras dengan matlamat negara membangunkan masyarakat madani.

SISTEM BAHASA

Sistem bahasa berfokus kepada pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata, dan peribahasa. Penerangan ringkas bagi perkara tersebut dinyatakan dibawah.

1.0 Tatabahasa

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

1.1 Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk kata, dan penggolongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan.

Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama. Aspek morfologi yang diberi tumpuan ialah seperti yang berikut:

- a. Struktur kata yang merujuk kepada pola suku kata bagi
 - i. kata asli bahasa Melayu
 - ii. kata pinjaman bahasa Melayu

- b. Bentuk kata
 - i. kata tunggal
 - ii. kata terbitan
 - iii. kata majmuk
 - iv. kata ganda
 - Proses pembentukan kata bahasa Melayu ialah:
 - i. pengimbuhan
 - ii. penggandaan
 - iii. pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata, yang amat kompleks ialah sistem imbuhan bahasa Melayu. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari sudut bentuk dan makna.

- c. Golongan kata
 - i. kata nama
 - ii. kata kerja
 - iii. kata adjektif
 - iv. kata tugas

1.2 Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- a. Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa, dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
- b. Jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan.
- c. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
- d. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang.
- e. Binaan dan proses penerbitan ayat:
 - i. ayat dasar
 - ii. ayat tunggal
 - iii. ayat terbitan atau ayat majmuk, dan
- f. Aspek tanda baca

2.0 Sistem Ejaan

Perkara yang diberi penekanan ialah:

- i. pola keselarasan huruf vokal
- ii. ejaan kata pinjaman
- iii. ejaan kata dasar dan kata terbitan

3.0 Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan sesuatu makna dengan tepat. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

i. Sebutan

Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

ii. Intonasi

Intonasi ayat bahasa Melayu hendaklah diajarkan mengikut pola ayat yang berikut:

a. Jenis ayat

- i. ayat penyata
- ii. ayat tanya
- iii. ayat seruan
- iv. ayat perintah

b. Susunan ayat

- i. ayat biasa
- ii. ayat songsang

c. Ragam ayat

- i. ayat aktif
- ii. ayat pasif

Nota

- * Buku **Tatabahasa Dewan Edisi Baharu Edisi 1993** ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.
- * Buku **Daftar Ejaan Rumi dan Jawi Edisi 2001** ialah buku panduan ejaan yang menjadi rujukan dalam pembelajaran dan pengajaran.

4.0 Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu dipertingkatkan dan diperkembang selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran peringkat sekolah rendah.

5.0 Peribahasa

Peribahasa yang merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan dan perbilang, kata-kata hikmat, dan bahasa kiasan perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa, kata-kata hikmat, dan bahasa kiasan hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia.

PENGISIAN KURIKULUM

Terdapat beberapa elemen dalam pengisian kurikulum, iaitu pengetahuan daripada pelbagai bidang ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, kemahiran bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, dan kecerdasan pelbagai, serta pembelajaran secara konstruktivisme, dan kontekstual.

1.0 Pengetahuan

Pengetahuan merangkumi pelbagai bidang ilmu. Contohnya ilmu bidang sains, geografi dan lain-lain yang boleh digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Pengetahuan juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

2.0 Nilai

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Keperihatinan dan pemahaman bahawa Malaysia adalah negara pelbagai budaya harus dipupuk secara langsung dan tidak langsung. Ini seterusnya dilanjutkan kepada pemahaman di peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi.

3.0 Kewarganegaraan

Unsur patriotisme dan kewarganegaraan yang diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran memberikan penekanan pada pemupukan semangat cinta dan taat tanah air. Di samping itu, pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen individu terhadap bangsa dan negara.

4.0 Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam pendidikan Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang diamalkan dalam masyarakat Malaysia.

5.0 Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah alaf baru mengutamakan pengalaman di bilik darjah sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global. Sehubungan itu, kurikulum Bahasa Melayu menyepadukan kemahiran lain agar memenuhi keperluan semasa pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, dan kecerdasan pelbagai. Kemahiran bernilai tambah dinyatakan di bawah.

5.1 Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, meyelesaikan masalah atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

5.2 Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka dapat menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima mel elektronik, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan mengakses maklumat melalui Internet.

5.3 Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

5.4 Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pembelajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid dapat manfaat yang maksimum.

5.5 Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

5.6 Konstruktivisme

Pembelajaran secara konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan lebih seronok untuk terus belajar sepanjang hayat.

5.7 Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat, dalam alam pekerjaan. Pembelajaran kontekstual disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit yang melibatkan latihan amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baru secara bermakna, dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina dan memantapkan keyakinan berbahasa.

Kepelbagaian Teknik

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah mengajar. Guru boleh memilih pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu belajar serta teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi, dan berinteraksi.

Kepelbagaian Sumber Bahan

Penggunaan pusat sumber dan komputer sangatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan sumber seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, Internet, serta bahan sastera dan bahan berunsur ilmu hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga untuk bacaan ekstensif.

Penggunaan Tatabahasa yang tepat

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah menekankan penggunaan tatabahasa mengikut kemampuan murid. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu merancang dan memilih aspek tatabahasa yang hendak diajarkan berserta contoh penggunaannya dalam pelbagai konteks dan kegiatan bahasa yang bermakna sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Bacaan Luas

Bacaan luas memberikan peluang kepada murid menimba pengetahuan dan membentuk sahsiah yang baik bagi meningkatkan gaya berfikir dan minat membaca. Bacaan luas boleh dijalankan dalam pendidikan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan ilmiah dan bahan sastera. Pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan melalui penyerapan.

PENEKANAN KONSEP 5P

Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menekankan konsep penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

a. Penggabungjalinan

Penggabungjalinan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Cara ini juga dapat mengelakkan kebosanan dalam proses pembelajaran. Kemahiran boleh digabungjalinkan, sama ada kemahiran yang terdapat dalam hasil pembelajaran atau kemahiran daripada mata pelajaran lain.

b. Penyerapan

Dalam pengajaran Bahasa Melayu, unsur ilmu, nilai dan kemahiran bernilai tambah seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin dalam pelbagai mata pelajaran.

c. Pengayaan

Program pengayaan perlu diberikan penekanan dalam Kurikulum Sekolah Rendah kerana keadaan murid yang berbeza dari segi kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat. Murid hendaklah diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan seperti bahan bacaan tambahan, kad, permainan dan bahan aktiviti boleh diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

d. Pemulihan

Program pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran asas yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan untuk program ini terdiri daripada kad, carta, bahan mawjud, alat permainan, dan lain-lain yang boleh digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan program ini adalah mengikut kadar kemampuan murid menguasai sesuatu kemahiran.


e. Penilaian

Penilaian dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan sesuatu aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran atau pembelajaran. Oleh itu, penilaian perlulah dijalankan berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hanya melalui proses penilaian berterusan dapat dipastikan jenis tindakan susulan yang perlu diambil ke atas seseorang murid, sama ada untuk menjalankan pemulihan atau pengayaan, dan setelah itu barulah dapat dipastikan jenis aktiviti pemulihan atau aktiviti pengayaan yang sesuai bagi murid.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.0 Berbual dengan keluarga, rakan sebaya dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal</p> <p>1.1 Berbual tentang sesuatu perkara berkaitan kehidupan seharian dengan menggunakan kata, ungkapan, ayat, sebutan, intonasi, dan nada yang sesuai.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan butiran tentang maklumat asas diri.</p> <p>ii. Melafazkan ucapan secara bertatasusila dalam perbualan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menggunakan kata panggilan dan kata ganti nama diri yang sesuai mengikut situasi dalam perbualan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menceritakan tentang latar belakang diri sendiri. Contoh: Saya ada empat orang adik beradik • Mengucapkan kata yang sesuai dalam perbualan Contoh : maafkan saya, terima kasih • Simulasi memanggil rakan atau orang lain dengan kata panggilan yang sesuai. Contoh : cikgu, pakcik, tuan, saya, kamu, dia • Menggunakan panggilan yang sesuai dalam perbualan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Berbual tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang sesuai.ii. Menyatakan perasaan dan teguran secara berterus terang dengan sopan dalam perbualan.	<ul style="list-style-type: none">• Menceritakan tentang latar belakang keluarga dan rakan.• Main peranan - menegur rakan secara sopan. Contoh situasi : rakan tidak beratur semasa membeli makanan di kantin.


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.2 Bertanya dan menjawab tentang sesuatu perkara secara bertatasusila</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendengar sesuatu perbualan dengan teliti untuk mendapat maklumat. ii. Mengemukakan soalan bertumpu dalam perbualan. iii. Menjawab soalan secara bertatasusila. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengemukakan soalan bertumpu dan bercapah untuk mendapatkan respons. ii. Menjawab pertanyaan dengan spontan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan teknik demonstrasi untuk tujuan menyoal dan menjawab secara bertatasusila bagi memperoleh maklumat. Situasi : Kedai buku sekolah • Menyoal rakan atau orang lain untuk mendapatkan respons. Contoh : Menggunakan kata tanya yang sesuai untuk menyoal. • Memberikan jawapan terhadap soalan yang dikemukakan oleh orang lain.


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Menggunakan kata panggilan yang sesuai semasa bersoal jaw ab.ii. Bersoal jaw ab tentang sesuatu perkara dengan sopan.	<ul style="list-style-type: none">• Menjalankan sesi soal jaw ab dalam kumpulan berdasarkan gambar. 


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.3 Memberikan dan memahami arahan serta pesanan tentang sesuatu perkara</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendengar arahan serta pesanan dengan teliti. ii. Menyatakan arahan serta pesanan dengan sebutan yang betul dan jelas. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengecam perkataan berbentuk arahan serta pesanan. ii. Menerima dan melaksanakan arahan serta pesanan dengan betul. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyatakan arahan dengan intonasi yang betul dan cara yang meyakinkan. ii. Melakukan arahan serta pesanan dengan betul. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melaknonkan aktiviti menyampaikan pesanan kepada orang lain. Contoh : Ketua murid menyampaikan pesanan guru kepada rakan sekelas. • Menyebut perkataan arahan yang biasa didengar. Contoh: Ambilkan, simpankan, kemaskan. • Menyampaikan pesanan yang diterima daripada guru kepada ibu bapa. Contoh: Menyatakan pesanan guru kepada ibu bapa tentang bayaran yuran atau kutipan derma. • Melaknonkan situasi memberikan arahan kepada rakan untuk ke perpustakaan. Contoh : Kaw an-kaw an sekalian, cikgu Zamani menyuruh kita ke perpustakaan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.4 Menyatakan permintaan secara berterus-terang dan meyakinkan dengan menggunakan intonasi dan paralinguistik yang sesuai untuk menguatkan permintaan</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Memberitahu kemahuan kepada seseorang secara bertatasusila.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengemukakan permintaan secara telus dan bertatasusila dengan bahasa yang mudah difahami.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Meminta keizinan untuk memenuhi keperluan dengan bersopan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memberitahu kemahuan kepada rakan secara sopan. Contoh : Meminjam alat tulis daripada rakan • Meminta rakan membantu membawa buku ke bilik guru. Contoh: Bolehkah kamu membantu saya membawa buku ke bilik guru • Melakonkan situasi anak meminta kebenaran daripada seorang ayah untuk ke rumah rakan. Contoh: Ayah, saya berjanji untuk menyiapkan kerja rumah dengan kawan. Bolehkah saya pergi ke rumahnya.


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>2.0 Bercerita dan melaporkan sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dibaca atau dialami</p> <p>2.1 Bercerita dengan menggunakan kata, frasa, ayat serta sebutan dan intonasi yang baik dan jelas.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menamakan dan menyatakan ciri-ciri benda maujud dengan menggunakan perkataan dan ayat yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menamakan dan menyebutkan ciri-ciri benda maujud. Contoh : bunga maw ar - merah – harum• Menerangkan sifat benda maujud dengan menggunakan ayat yang lengkap. Contoh : Bunga maw ar berbau harum


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 2</p> <p>i. Menceritakan perkara yang terdapat dalam gambar dengan menggunakan perkataan dan ayat yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menyebutkan perkataan yang berkaitan dengan gambar.  <ul style="list-style-type: none">- Berlari- Menendang bola <ul style="list-style-type: none">• Menceritakan tentang gambar yang ditunjukkan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Bercerita tentang sesuatu perkara berdasarkan bahan rangsangan dengan menggunakan perkataan dan ayat yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menyampaikan cerita berdasarkan bahan rangsangan dengan cara yang menarik. Contoh :  <p>Nota: cantik, bersih, nyaman</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>2.2 Melaporkan sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan tepat.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Memberitahu sesuatu perkara yang didengar dengan menggunakan perkataan yang tepat.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyatakan perkara-perkara penting berdasarkan bahan rangsangan.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Memaklumkan perkara yang dilakukan kepada orang lain dengan menggunakan ayat yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan simulasi - menceritakan perkara yang didengar kepada orang lain. Contoh : Menyampaikan cerita yang pernah didengar Sebutkan maklumat dalam gambar.  <ul style="list-style-type: none"> Memberitahu orang lain tentang tugas yang dibuat. Contoh : Membersihkan taman sains di sekolah

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>3.0 Menyampaikan maklumat dalam pengucapan yang mudah, betul, menarik dan berkesan</p> <p>3.1 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara atau tajuk dengan menggunakan kata, istilah, frasa, struktur ayat yang betul dan laras bahasa yang sesuai.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengecam perkataan dan fakta yang sesuai untuk menyampaikan maklumat.</p> <p>ii. Menyatakan maklumat berdasarkan bahan rangsangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih perkataan yang sesuai untuk menyampaikan maklumat. Contoh : Cara-cara menjaga binatang peliharaan • Memberitahu rakan tentang maklumat yang terdapat dalam bahan rangsangan. Contoh : peristiwa yang terjadi – di mana, orang yang terlibat.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 2</p> <p>i. Mengenal pasti frasa yang sesuai untuk menyampaikan maklumat.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Memilih perkataan dan frasa yang sesuai untuk menyampaikan maklumat.  <ul style="list-style-type: none">- pintu kecemasan- jaket kecemasan

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>ii. Menyatakan maklumat dengan jelas berdasarkan bahan yang disediakan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menyebutkan maklumat yang terdapat dalam bahan dengan menggunakan bahasa yang sesuai.  <p>Contoh: tetikus, papan kekunci, skrin</p>


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Mengenal pasti frasa yang sesuai untuk menyampaikan maklumat.ii. Memaklumkan sesuatu maklumat mengikut keutamaan.	<ul style="list-style-type: none">• Menyenaraikan maklumat penting dan tidak penting berdasarkan bahan.• Menyatakan maklumat mengikut kepentingan. Contoh : Rutin harian Nota:<ul style="list-style-type: none">– siapkan kerja rumah– kemaskan buku dalam beg– bermain pada waktu petang

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>4.0 Berbincang tentang tajuk-tajuk yang relevan secara bertatasusila</p> <p>4.1 Mengemukakan idea, pandangan dan pendapat tentang sesuatu perkara secara terperinci, tepat, dan tersusun.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mendengar pandangan yang disampaikan oleh rakan.</p> <p>ii. Menyatakan pandangan tentang sesuatu perkara secara bebas.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyatakan pandangan tentang sesuatu perkara yang dibuahkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbual secara berpasangan tentang sesuatu perkara yang didengar. Contoh : Alat permainan yang disukai. Nota: Anak patung/robot mainan – harga, cara bermain • Bercerita tentang sesuatu perkara secara bebas. Contoh: Bercuti di kampung/ di rumah saudara mara • Memberikan pandangan berdasarkan tajuk yang dibincangkan. Contoh : Menjaga buku sendiri <ul style="list-style-type: none"> – Membalut buku, menyusunn, tidak mengoyak dan menconteng


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Melahirkan buah fikiran yang munasabah tentang sesuatu perkara.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti idea yang sesuai dengan tajuk. Contoh: Kebersihan diri – menyatakan cara-cara menjaga kebersihan diri • Mengemukakan idea yang sesuai dalam perbincangan. Contoh: Kebersihan kelas<ul style="list-style-type: none">– Cara menjaga kebersihan kelas– Mengemaskan kerusi meja

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>5.0 Membaca kuat dengan kelancaran sebutan, intonasi dan gaya pembacaan yang sesuai</p> <p>5.1 Membaca kuat perkataan dan ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul dan memahami perkara yang dibaca.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyebut perkataan yang mengandungi digraf, diftong, vokal berganding dan konsonan bergabung dengan betul.</p> <p>ii. Membaca ayat tunggal dengan sebutan dan intonasi yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mendengar sebutan perkataan yang mengandungi digraf, diftong, vokal berganding dan konsonan bergabung dengan betul. Contoh : nyonya, syarat, taat • Menyebutkan perkataan yang ditunjukkan dengan sebutan yang betul. • Membaca kuat ayat tunggal dengan sebutan dan intonasi yang betul secara individu dan kumpulan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 2</p> <p>i. Membaca ayat majmuk dengan sebutan dan intonasi yang betul.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Membaca ayat tunggal dan ayat majmuk dalam teks dengan sebutan yang betul dan jelas.</p> <p>ii. Memberikan makna perkataan, frasa, dan ayat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membaca kuat ayat tunggal dan ayat majmuk dengan sebutan dan intonasi yang betul secara individu dan kumpulan berdasarkan pelbagai media. Contoh : 1. Ibu dan kakak membeli sayur di pasar. 2. Cikgu nampak garang tetapi baik Nota: Kata hubung – dan, tetapi, sebab • Menggunakan teknik teater pembaca bagi melatih kelancaran, sebutan, intonasi, dan jeda yang betul berdasarkan skrip yang disediakan. • Merujuk kepada kamus bergambar untuk mencari makna perkataan dan rangkai kata yang disediakan. • Bersoal jawab untuk memberikan maksud ayat berdasarkan teks.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>5.2 Membaca kuat teks prosa dan puisi dengan sebutan dan intonasi yang betul dan lancar serta memahami perkara yang dibaca.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Membaca teks naratif dengan sebutan dan intonasi yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none">Menyebutkan ayat berdasarkan gambar.  <p>Contoh: Murid-murid sedang mendengar ucapan guru besar.</p> <ul style="list-style-type: none">Membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang baik.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>ii. Melafazkan puisi dengan sebutan yang betul dan jelas.</p> <p>iii. Menceritakan isi teks yang dibaca dengan perkataan sendiri.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Membaca teks informatif dengan sebutan dan intonasi yang betul.</p> <p>ii. Melafazkan puisi dengan sebutan dan intonasi yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mendengar cara melafazkan pantun. • Melafazkan pantun dua kerat dan empat kerat dengan intonasi yang betul. • Menggunakan teknik berpandu bagi tujuan menceritakan semula teks yang dibaca dengan perkataan sendiri. Contoh: Gambar bersiri • Membaca petikan akhbar dengan sebutan dan intonasi yang betul. • Mendengar dan mengajuk puisi dengan sebutan dan intonasi yang betul. • Menggunakan teknik berpandu bagi tujuan menceritakan semula teks yang dibaca dengan perkataan sendiri. • Mendengar dan melafazkan puisi dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota										
	iii. Menyusun maklumat mengikut urutan.	<ul style="list-style-type: none">Melengkapkan lembaran pengurusan grafik yang mudah bagi tujuan menyusun maklumat mengikut urutan.  <p>Contoh:</p> <table border="1" data-bbox="1529 1010 1939 1270"><thead><tr><th colspan="2">Susun ikut urutan abjad</th></tr></thead><tbody><tr><td>a.</td><td>Anggur</td></tr><tr><td>b.</td><td>Betik, bacang, bidara</td></tr><tr><td>c.</td><td>Ciku, cempedak</td></tr><tr><td>d.</td><td>Duku, durian</td></tr></tbody></table>	Susun ikut urutan abjad		a.	Anggur	b.	Betik, bacang, bidara	c.	Ciku, cempedak	d.	Duku, durian
Susun ikut urutan abjad												
a.	Anggur											
b.	Betik, bacang, bidara											
c.	Ciku, cempedak											
d.	Duku, durian											

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membaca lancar teks kreatif dan informatif dengan sebutan dan intonasi yang betul. ii. Melafazkan puisi dengan sebutann nada, gaya dan intonasi yang betul. iii. Menyenaraikan isi-isi penting berdasarkan teks yang dibaca. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan teknik teater pembaca bagi melatih kelancaran, sebutan, intonasi dan jeda yang betul berdasarkan skrip yang disediakan. • Melafazkan puisi dengan sebutan dan intonasi yang betul. • Menjaw ab soalan berdasarkan teks yang dibaca. • Berbincang untuk mendapatkan isi penting. • Bertanya dan menjaw ab untuk mendapatkan isi-isi penting.


Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota				
<p>6.0 Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks</p> <p>6.1 Merujuk pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat bagi tajuk yang sedang dikaji termasuk maklumat daripada Internet.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Merujuk kamus bergambar untuk meneliti ejaan daripada perkataan yang didengar.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Merujuk kamus bergambar untuk mencari makna.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Merujuk kamus untuk menghubungkan perkataan dengan gambar untuk mencari makna.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meneliti susunan abjad bagi perkataan. • Meneliti ejaan perkataan berdasarkan kamus bergambar. • Mendapatkan makna perkataan daripada kamus bergambar. • Menyesuaikan makna perkataan dengan gambar. <table border="1" data-bbox="1512 927 1980 1273"> <tr> <td data-bbox="1512 927 1742 1102">Alat tulis</td> <td data-bbox="1742 927 1980 1102"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1512 1102 1742 1273">Alat membersihkan gigi</td> <td data-bbox="1742 1102 1980 1273"></td> </tr> </table>	Alat tulis		Alat membersihkan gigi	
Alat tulis						
Alat membersihkan gigi						

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>7.0 Membaca, menaakul dan menghayati kandungan teks yang dibaca</p> <p>7.1 Membaca dan menerangkan maksud kandungan teks yang tersurat dan tersirat</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan maksud lambang dan simbol yang diberi bagi sesuatu gambar.</p> <p>ii. Menyatakan isi kandungan teks yang dibaca.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menamakan lambang yang ditunjukkan Contoh : lampu isyarat <div data-bbox="1581 531 1895 799" data-label="Image"> </div> <ul style="list-style-type: none"> Padankan lambang yang ditunjukkan. Memahami gambar, bahan grafik dan termasuk ikon. Contoh : Lambang jantina pada pintu tandas Bersoal jaw ab berdasarkan gambar yang diberikan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 2</p> <p>i. Menjelaskan maksud perkataan dan frasa yang diberikan daripada teks yang dibaca.</p> <p>ii. Menjelaskan maksud teks yang dibaca.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menghuraikan pengajaran yang terdapat dalam teks yang dibaca.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan teknik perbincangan untuk menjelaskan maksud perkataan dan rangkai kata mengikut konteks berdasarkan bahan yang dibaca. Contoh : Poster – Dilarang merokok Jaga kebersihan • Menjawab ab soalan kefahaman. • Menjalankan aktiviti sumbang saran untuk menyatakan pengajaran yang terdapat dalam teks yang dibaca.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>8.0 Menggunakan pelbagai jenis ayat dan wacana dalam penulisan</p> <p>8.1 Membina dan menulis perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menulis perkataan dan ayat tunggal yang diberikan dengan cara yang betul dan kemas. ii. Membina ayat tunggal dan ayat majmuk yang lengkap dan betul daripada perkataan yang diberi. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melengkapkan ayat tunggal dengan menggunakan perkataan yang sesuai secara berpandu. ii. Membina ayat majmuk menggunakan kata hubung yang sesuai. 	<ul style="list-style-type: none"> • Meniru dan menyalin perkataan yang ditunjukkan. • Memilih dan menyusun perkataan yang diberikan supaya menjadi ayat yang betul. • Mengisi tempat kosong dengan perkataan dan kata hubung yang betul dalam ayat. Contoh : dan, sambil, tetapi – Adik menyanyi – menari • Membina ayat majmuk berdasarkan bahan rangsangan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota						
	<p>Aras 3</p> <p>i. Menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dalam bentuk perenggan yang bermakna.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan teknik berpandu untuk membina dan menulis beberapa ayat berdasarkan gambar. Contoh : Gambar berkelah Perkataan – berkelah, keluarga, hari minggu, bekalan, mandi-manda • Membina pelbagai ayat daripada rajah tukar ganti yang disediakan. <table border="1" data-bbox="1541 660 2009 871"> <thead> <tr> <th data-bbox="1541 660 1722 708">Subjek</th> <th data-bbox="1722 660 2009 708">Predikat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1541 708 1722 791">1. Cikgu Kasim</td> <td data-bbox="1722 708 2009 791">melayari internet dan menghantar e-mel.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1541 791 1722 871">2. Abang</td> <td data-bbox="1722 791 2009 871">menggunakan telefon sambil memandu</td> </tr> </tbody> </table>	Subjek	Predikat	1. Cikgu Kasim	melayari internet dan menghantar e-mel.	2. Abang	menggunakan telefon sambil memandu
Subjek	Predikat							
1. Cikgu Kasim	melayari internet dan menghantar e-mel.							
2. Abang	menggunakan telefon sambil memandu							

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>8.2 Membina dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dalam sesuatu penulisan teks tentang sesuatu tajuk.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Membina ayat tunggal berdasarkan gambar atau tajuk.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Membina ayat majmuk berdasarkan tajuk.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Membina ayat tunggal dan ayat majmuk dalam perenggan berdasarkan tajuk.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Melengkapkan ayat tunggal dengan menggunakan perkataan yang sesuai berdasarkan gambar. Membina ayat daripada soalan yang dikemukakan. Menggunakan teknik peta minda untuk membina ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan tajuk yang diberi. Contoh : Aktiviti berpasangan membuat deskripsi  <pre> graph TD S((SUKAN)) --- P[petang] S --- SK[Saya dan kawan] S --- BB[Bermain bola] S --- G[gembira] S --- C[cergas] </pre>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>9.0 Mencatat dan menyusun maklumat</p> <p>9.1 Mengimlak (mengambil rencana) berdasarkan teks yang diperdengarkan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengeja dan menulis perkataan yang diperdengarkan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengeja dan menulis frasa dan ayat yang diperdengarkan.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Mengambil imlak berdasarkan teks yang diperdengarkan menggunakan ejaan dan tanda baca yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis perkataan dengan ejaan yang betul seperti yang disebutkan. • Menulis ayat yang disebutkan dengan betul. • Menulis ayat yang dibacakan dengan menggunakan ejaan dan tanda baca yang betul.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>10.0 Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif</p> <p>10.1 Menghasilkan penulisan pelbagai genre (prosa dan puisi) termasuk e-mel yang mudah, menarik dan bermakna.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Membina ayat dengan memilih kosa kata berdasarkan bahan rangsangan untuk membentuk perenggan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Memilih frasa untuk melengkapkan ayat dalam perenggan.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menulis ayat berdasarkan tajuk yang diberikan untuk membentuk perenggan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyenaraikan perkataan yang sesuai dengan gambar. • Melengkapkan ayat dengan frasa yang betul. • Membina beberapa ayat untuk menghasilkan perenggan berdasarkan tajuk yang diberikan. Contoh : gambar tunggal atau benda maujud. • Melengkapkan rangkap pantun dengan perkataan menarik dan bermakna.